


CONTOH ESEI MORAL CEMERLANG

9. Keratan akhbar berikut berkaitan dengan kejayaan atlet paralimpik Malaysia dalam sukan paralimpik antarabangsa.

	<p>PARALIMPIK : Bonnie raih emas pertama Malaysia Kuala Lumpur : Atlet paralimpik negara, Bonnie Bunyau Gustin menghadiahkan pingat emas sulung negara di Sukan Paralimpik Tokyo 2020 dalam acara powerlifting dalam kelas 72 kilogram (kg) Bonnie merangkul emas dengan angkatan terbaiknya 228 kg sekali gus memecahkan rekod temasya yang sebelum ini dipegang atlet Iraq, Rasool Mohsin 227kg yang dilakukan ketika di Rio de Janeiro. ~ Berita Harian, 28 Ogos 2021</p>
--	--

- a. Sebagai rakyat Malaysia, nyatakan **emosi moral** anda berdasarkan keratan akhbar di atas. Bincangkan **cara mengharumkan nama negara** di mata dunia berdasarkan **nilai universal selain nilai bertanggungjawab dan nilai rasional**. [10m]

F	Sebagai rakyat Malaysia, cara mengharumkan nama negara ialah <u>melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan memenangi pertandingan tersebut.</u>
H	Kemenangan tersebut membolehkan nama negara dikenali dan tersebar luar di serata dunia.
HL	Imej negara turut dapat ditingkatkan melalui kemenangan tersebut.
C	Datuk Lee Chong Wei telah memenangi pingat emas dalam acara badminton Sukan Komanwel.
I / K	Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa dapat membuktikan keupayaan rakyat Malaysia di peringkat global dan mengubah pandangan mereka terhadap negara kita.
F2	Selain itu, rakyat dapat mengharumkan nama negara dengan <u>mereka cipta inovasi baru dalam bidang sains dan teknologi.</u>

Saya berasa **bangga**. Nilai universal yang diamalkan adalah **nilai kerjasama, Nilai kerajinan, Nilai Patriotisme, Nilai keberanian,**

Sebagai rakyat Malaysia, cara mengharumkan nama negara ialah **melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan memenangi pertandingan tersebut.** **Kemenangan tersebut membolehkan nama negara dikenali dan tersebar luar di serata dunia.** Imej negara turut dapat ditingkatkan melalui kemenangan tersebut. **Datuk Lee Chong Wei telah memenangi pingat emas dalam acara badminton Sukan Komanwel.** Kemenangan dalam pertandingan antarabangsa dapat membuktikan keupayaan rakyat Malaysia di peringkat global dan mengubah pandangan mereka terhadap negara kita.

Selain itu, rakyat Malaysia turut dapat mengharumkan nama negara melalui **cara menaik taraf dan membuat penjenamaan semula untuk tempat pelancongan negara.** **Rakyat negara boleh membantu dalam mempromosikan tempat pelancongan yang menarik di Malaysia melalui laman sesawang seperti facebook, twitter atau instagram.** Sebagai contoh, rakyat Malaysia boleh menceritakan keunikan Istana Seri Menanti yang dibina tanpa menggunakan sebatang paku kepada rakyat negara luar. **Penggunaan media sesawang dalam mempromosikan tempat pelancongan negara membolehkan maklumat tentang tempat pelancongan negara tersebar luas ke serata dunia.** Penjenamaan semula tempat pelancongan akan menarik pelancong asing melancong ke negara kita.

Akhir sekali, rakyat Malaysia boleh mengharumkan nagara dengan **mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi.** **Rakyat Malaysia boleh membantu kerajaan Malaysia**

menganjurkan persidangan dan karnival pada peringkat antarabangsa. Karnival teknologi seperti robotik boleh dianjurkan melalui persidangan ASEAN / Komanwel / APEC. Sebagai contoh rakyat Malaysia iaitu Pua Khien Seng telah mencipta pendrive / USB flash drive. Penciptaan USB ini telah menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kesimpulannya, seluruh warga Malaysia perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa.

b. Huraikan kekangan yang dihadapi dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. [10m] 分析让马来西亚扬名国际的的阻力/挑战.

Kekangan yang dihadapi oleh negara dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah **kekurangan kepakaran dalam bidang kritikal**, seperti bidang perubatan. Keadaan ini menyebabkan kualiti bidang perubatan negara tidak dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, negara terpaksa mengimport doktor pakar dari negara Mesir dan India. Kekurangan kepakaran dalam bidang perubatan telah menyebabkan keinginan negara menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan sukar dicapai.

Kekangan seterusnya yang dihadapi ialah dari segi sikap masyarakat Malaysia yang kurang bekerjasama dan bersikap individualistik. Keadaan ini menyebabkan mereka kurang memberikan sokongan kepada dasar atau program yang dijalankan oleh negara. Sebagai contoh, Rakyat masih melancong ke luar negara walaupun program Tahun Melawat Malaysia dijalankan. Rakyat juga kurang melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana mereka lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan negara. Mereka lebih rela menyumbang kemahiran mereka di luar negara daripada berkhidmat dalam negara kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi. Kekurangan kerjasama dari rakyat dan sikap individualistik rakyat akan menyebabkan segala dasar yang dijalankan untuk membangunkan negara dan meningkatkan imej negara tidak dapat berjalan lancar

Kesimpulannya, seluruh warga Malaysia perlu berganding bahu untuk mengharumkan nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa.

F	Kekangan yang dihadapi oleh negara dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa ialah kekurangan kepakaran dalam bidang kritikal
H	seperti bidang perubatan
HL	Keadaan ini menyebabkan kualiti bidang perubatan negara tidak dapat ditingkatkan.
C	Sebagai contoh, negara terpaksa mengimport doktor pakar dari negara Mesir dan India.
I / K	Kekurangan kepakaran dalam bidang perubatan telah menyebabkan keinginan negara menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan sukar dicapai.
F2	Kekangan seterusnya yang dihadapi ialah dari segi sikap masyarakat Malaysia yang kurang bekerjasama dan bersikap individualistik.
H	Keadaan ini menyebabkan mereka kurang memberikan sokongan kepada dasar atau program yang dijalankan oleh negara.
C	Rakyat masih melancong ke luar negara walaupun program Tahun Melawat Malaysia dijalankan
HL	Rakyat juga kurang melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana mereka lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan negara
HL	Mereka lebih rela menyumbang kemahiran mereka di luar negara daripada berkhidmat dalam negara kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi
I / K	Kekurangan kerjasama dari rakyat dan sikap individualistik rakyat akan menyebabkan segala dasar yang dijalankan untuk membangunkan negara dan meningkatkan imej negara tidak dapat berjalan lancar